



SEBAHAGIAN graduan melambung topi semasa bergambar di hadapan Dewan Besar pada Majlis Konvokesyen USIM Ke-12 di Nilai, semalam. - UTUSAN/ASWAD YAHYA

Lebih 20,000 pengunjung sepanjang tiga hari berlangsung

# Pesta Konvo USIM capai sasaran

Oleh FARABI SHEIKH SAID AL JABRI

utusanN9@utusan.com.my

■ SEREMBAN 16 NOV.

**P**ENGANJURAN Pesta Konvo Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Ke-12 menerusi kerjasama pihak universiti itu dengan Kumpulan Utusan berjaya mencapai sasaran melebihi 20,000 pengunjung sepanjang tiga hari berlangsung, bermula Jumaat lalu.

Penolong Pengurus Pengurusan Jenama Utusan Melayu (M) Berhad, Hazura Ahmad Halil berkata, kehadiran pengunjung kali ini jauh lebih memberangsangkan kerana pelbagai faktor, selain penambahan tapak jualan dan pameran sepanjang tiga hari tersebut.

"Biarpun keadaan cuaca tidak mengizinkan, dari segi penambahan pengunjung amat baik, apatah lagi lokasi pesta konvokesyen berdekatan dengan Dewan Besar USIM, jadi memudahkan orang ramai bersama-sama memeriahkannya.

"Sambutan yang diterima amat



ORANG ramai mengunjungi gerai Utusan pada Pesta Konvo USIM Ke-12 di Nilai, semalam.

menggalakkan dan ini membuktikan kerjasama dengan pihak USIM dan Kumpulan Utusan amat berjaya sekali. Diharapkan usahasama ini dapat diteruskan pada masa depan," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Jelas beliau, sebanyak 180 gerai yang menjual pelbagai barangan dan produk mengambil bahagian.

Tidak ketinggalan, Kumpulan Utusan turut menyediakan tapak pameran termasuklah penjualan produk-produk buku serta majalah



terbitan dan mini studio.

Yang hadir sama memeriahkan tapak Pesta Konvo USIM Ke-12 yang memasuki hari terakhir ialah Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Musa Ahmad.

Selain itu, katanya, penambahan itu juga disumbangkan menerusi Konsert Senandung Gaza yang dimeriahkan dengan kehadiran beberapa artis terkemuka, antaranya Datuk Ramli Sarip, Diana Amir, Muadz Dzulkefli, Maulana AF8 dan beberapa lagi personaliti tempatan lain.

Dalam pada itu, kata Hazura, pelbagai acara dijalankan hari ini, antaranya cabutan bertuah, pertandingan mewarna dan Mini Xplorace yang menawarkan hadiah RM1,000 kepada pemenang.